

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, September 26, 2019 3:22 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Peneraju Inovasi Jana Idea Baharu



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 SEPTEMBER 2019 / 26 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PENERAJU INOVASI JANA IDEA BAHARU



UUM ONLINE: Kumpulan K STAR mengungguli Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) Terbuka Universiti Utara Malaysia (UUM) 2019 apabila dinobatkan sebagai Johan, di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, UUM, semalam.

Kejayaan ini melayakkan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Setar, Kedah membawa pulang hadiah RM2,000 dan sijil manakala naib johan dirangkul oleh Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP) UUM yang mendapat hadiah RM1,500 dan tempat ketiga UUM Press membawa pulang RM1,000.

Ketua Kumpulan K STAR, Zulkifli Din berkata, sejak di awal penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 1946, kumpulan mendapati kaedah pengagihan barang bencana sehingga kini masih menggunakan kaedah yang sama.

Justeru itu seiring dengan perubahan zaman dan teknologi yang semakin maju maka sudah sampai masanya perubahan dibuat dalam urusan pengendalian barang bencana sesuai dengan keperluan semasa pelanggan.

Kumpulan ini terdiri daripada 10 ahli mengetengahkan projek bertajuk Emergency Disaster Kit (EDK) iaitu beg untuk mangsa bencana yang mempunyai pelbagai fungsi dan menjimatkan.

“Idea tercetus apabila melihat berlaku bencana kita menyampaikan barang-barang secara terpisah jadi, dengan adanya beg ini kita satukan semuanya dalam satu beg.

“Menariknya beg 5 dalam 1 ini mempunyai pelbagai fungsi dan menjimatkan yang dilengkapi ruang penyimpanan dokumen, 6 bahagian berzip untuk menyimpan barang selain turut berfungsi sebagai pengusung, alas tidur, khemah dan buaian (hammock),” katanya.

Jelasnya, alas mampu memuatkan 3 orang dewasa dalam posisi baring, khemah pula dilengkapi 4 lubang pin untuk pemasangan tali khemah, pengusung dilengkapi 6 tali pemegang yang mampu menampung berat maksima 100 kg begitu juga buaian yang menampung 100 kg.

Tambahnya, kumpulan menjalankan kajian demi kajian untuk menambahbaik yang mengambil masa 6 bulan untuk disiapkan dan produk ini pernah menyertai pameran di Geneva berjaya meraih pingat perak dan anugerah khas dari Negara Thailand.

“Alhamdulillah, kami bersyukur dengan kemenangan yang diperoleh dengan kesungguhan, semangat berpasukan yang telah membuahkan kejayaan yang indah,” luahnya.

Sementara itu, Pengarah Institut Pengurusan Kualiti (IPQ), Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar menyifatkan peserta sebagai peneraju inovasi yang akhirnya memberi kebaikan kepada masyarakat.

“Semua orang lihat kepada pencapaian di hujungnya tetapi tidak melihat bagaimana proses Kerja itu dilakukan untuk mencapai kejayaan yang memiliki kualiti dan bukannya capai kejayaan tetapi di dalamnya tidak ada kualiti, dibuat dalam masa singkat atau memanipulasi data, tidak ada proses kerja yang matang sehingga tidak ada roh dalam kerja tersebut,” luahnya.

Beliau mengucapkan syabas kepada para pemenang dan yang tidak berjaya bukan bermakna tewas kerana pertandingan ini bukan semata-mata untuk menjadi juara yang paling penting ilmu yang diperoleh daripada pertandingan ini untuk diaplikasikan seterusnya memberi kebaikan kepada jabatan.

“Jadi saya berharap jangan berhenti di sini, anda peneraju kepada inovasi, kita mesti berani mencari penambahbaikan, berani mencabar status quo, berani menyoal apa amalan yang kita lakukan sebelum ini dan bagaimana untuk tambah baik.

“Itulah peneraju inovasi di hujungnya memberi kebaikan pada masyarakat yang dikira amal jariah, mendapat pahala dan saham akhirat walaupun tidak menang tetapi ada impak kepada masyarakat.

“Misalnya dahulu buat pasport ambil masa 2 minggu baru siap sekarang sejam dua sudah siap jadi buatlah sesuatu untuk memudahkan orang dan kerja kita juga akan dipermudahkannya.

“Teruskan membuat proses untuk menambahbaik kerana Allah menyukai seseorang yang melakukan kerja dengan elok atau Itqan, hari ini lebih baik dari semalam dan esok lebih baik dari hari ini, sentiasa lebih baik,” tambahnya.

Selain itu beliau merakamkan penghargaan kepada Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) atas penganjuran yang membuka peluang dari agensi kerajaan terlibat secara aktif dalam proses penyelesaian masalah, penambahbaikan proses kerja dan standard yang sedia ada. Platform yang disediakan terbukti dapat menjana idea yang baharu.

“Idea yang bernas melalui pertandingan ini akan mencetus revolusi dalam budaya kerja yang lebih kreatif, inovasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dapat dipupuk,” ucapnya.

Penyertaan kali ini menyaksikan 8 kumpulan yang bekerja keras menampilkan inovasi dan kreativiti masing-masing selain menawarkan Anugerah Inovasi Terbaik, Anugerah Persembahan Terbaik, Anugerah Fasilitator Terbaik, Anugerah Visual Terbaik dan Anugerah Kreativiti Terbaik.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.